

U B491 AAB

NEGARA - PETRONAS

KUALA LUMPUR, 31 JULAI (BERNAMA) -- PERANAN PETRONAS BERHUBUNG DENGAN PENGURUSAN BANK BUMIPUTRA ADALAH UNTUK MEMASTIKAN BAHAWA OPERASI BANK ITU DIJALANKAN DENGAN BETUL DAN CEKAP MENGIKUT OBJEKTIF, DASAR DAN GARIS PANDUAN YANG TELAH DITETAPKAN, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

SEMASA MENJAWAB SOALAN SENATOR DATUK G. PASAMANICKAM DI DEWAN NEGARA, PERDANA MENTERI BERKATA PADA MASA INI DUA ORANG ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH PETRONAS MENGANGGOTAI LEMBAGA PENGURUSAN BANK BUMIPUTRA DAN SEORANG DARIPADANYA MEMEGANG JAWATAN Pengerusi Eksekutif Bank itu.

BELIAU BERKATA USAHA UNTUK MEMPEROLEHI KERUGIAN YANG DIALAMI OLEH BUMIPUTRA MALAYSIA FINANCE (BMF) OLEH PETRONAS, TERMASUK TINDAKAN UNDANG-UNDANG YANG SEDANG DIAMBIL DILAKUKAN SEBAGAI PEWARIS UTAMA.

SEMASA MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN SENATOR HAJI MOHAMED DIN JAAFAR, PERDANA MENTERI BERKATA WANG YANG DISALURKAN OLEH PETRONAS KEPADA BANK BUMIPUTRA MERUPAKAN WANG PEMBELIAN SAHAM DAN IA TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN WALAUPUN BANK MENDAPAT KEUNTUNGAN SEMULA. -- BERNAMA
1625MST 31 07 85